

PELAN STRATEGIK SPPP

2021-2025



Perutusan, Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	2
Prakata, Pengurus Besar Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	3
Pengenalan	4
Sejarah	5
Fungsi Utama, Objektif dan Piagam Pelanggan	6
Punca Kuasa	7
Akta, Undang-undang dan Peraturan	
Pihak Berkepentingan (Stakeholders) dan Pelanggan	8 - 9
Visi, Misi dan Moto	10
Nilai-nilai Teras	11
Teras Strategik	12
Strategi dan Pelan Tindakan	13 - 19
Penutup	20

KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGERUSI

Pelan Strategik SPPP 2016 - 2020 telah pun berakhir dengan keberhasilan yang jelas digambarkan melalui peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berintegriti. Kini, SPPP membuka lembaran baru dan berhadapan dengan cabaran yang lebih tinggi iaitu meneruskan peningkatan sistem penyampaian melalui Pelan Strategik SPPP 2021 - 2025 yang berupaya memberi impak yang besar khususnya kepada Pelabuhan Pulau Pinang.



Di dalam era menuju Industri 4.0, Pelabuhan Pulau Pinang perlu mengatur strategi dan mengambil langkah bagi mengangkat status Pelabuhan Pulau Pinang ke satu tahap atau platform yang lebih tinggi. Dalam hubungan ini, SPPP berusaha untuk meningkatkan daya saing dan memantapkan barisan pengurusan bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan.

Saya yakin dengan penekanan yang diberi oleh SPPP kepada aspek integriti, ketelusan, akauntabiliti, inovasi dan disokong oleh pengurusan yang kuat dan *mind set* yang betul, Pelan Strategik SPPP 2021 - 2025 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha keras untuk menghasilkan Pelan Strategik SPPP ini dan berharap semua warga SPPP serta pihak-pihak yang berkepentingan memberi komitmen serta kerjasama dalam menjayakan Pelan Strategik SPPP.

(PENGERUSI)

PRAKATA PENGURUS BESAR

Syukur Alhamdulillah, Pelan Strategik SPPP bagi tempoh 2021 - 2025 telah dapat dibentuk. Pembentukan Pelan Strategik SPPP telah mengambilkira Dasar Pengangkutan Negara 2020 serta polisi dan keputusan dan Kerajaan semasa.

Pelan Strategik SPPP bagi tempoh 2021 - 2025 menekankan kepada empat (4) teras strategik. Pelan tindakan yang komprehensif serta petunjuk prestasi utama telah ditentukan bagi pelaksanaan teras-teras strategik tersebut. Dengan adanya perancangan strategik ini, usaha-usaha penambahbaikan serta memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan SPPP diteruskan dengan giat dan lebih berstruktur lagi. Saya percaya matlamat SPPP bukanlah suatu matlamat yang sukar dicapai memandangkan tempoh pelaksanaan yang ditetapkan adalah realistik. Pelan Strategik ini akan dikaji dari masa ke semasa sesuai dengan perubahan dinamik industri pelabuhan.



Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai SPPP yang terlibat dalam pembentukan Pelan Strategik SPPP 2021 - 2025. Saya menyeru agar kita sama-sama komited untuk menggalas tanggungjawab untuk melaksanakan Pelan Strategik SPPP dengan penuh etika, integriti dan profesionalisme.

Semoga Pelan Strategik SPPP berjaya dilaksanakan, InsyaALLAH.

(PENGURUS BESAR)

PENGENALAN

Pelan Strategik SPPP merupakan dokumen hala tuju yang penting bagi SPPP dalam memperkasakan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bertaraf dunia. Ia merupakan pemangkin perubahan dan asas perancangan SPPP untuk masa depan. Melalui penggubalan Pelan Strategik, perancangan strategik yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan tersusun dan terselaras.

Dokumen Pelan Strategik ini yang merangkumi Visi, Misi, Nilai-nilai Teras, Teras Strategik, Strategi, Pelan Pelaksanaan dan Petunjuk Prestasi Utama telah dibentuk mengambil kira kedudukan SPPP pada masa kini serta aspirasinya. Keberkesanannya terletak pada pelaksanaan dan pemantauan serta penilaian terhadap pencapaian matlamat yang ditetapkan. Bagi memastikan Pelan Strategik SPPP sentiasa relevan dan responsif, kajian semula Pelan Strategik akan dibuat dari masa ke semasa bagi menangani sebarang perubahan yang diperlukan bersesuaian dengan perubahan yang berlaku dalam jangka masa 2021 - 2025.

Pembentukan Pelan Strategik SPPP membolehkan SPPP mengorak langkah seiring dengan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Pengangkutan demi mencapai visi Kementerian Pengangkutan untuk menjadi peneraju sistem pengangkutan bertaraf dunia demi kesejahteraan sejagat.



SEJARAH

Pelabuhan Pulau Pinang adalah merupakan pelabuhan moden pertama di Malaysia. Bermula seawal tahun 1800 lagi, kapal-kapal dagang sudah mula berlabuh di perairan Pulau Pinang. Pada tahun 1872, Pelabuhan Pulau Pinang telah diisytihar sebagai pelabuhan bebas. Menjelang tahun 1903, Syarikat Limbung Tanjung Pagar telah mula membina Jeti Swettenham. Pembinaan dermaga sepanjang 1,200 kaki ini adalah bagi menambah kecekapan kendalian di Pelabuhan Pulau Pinang. Pada waktu tersebut, Pelabuhan Pulau Pinang ditadbir oleh Jabatan Pelabuhan Pulau Pinang.

Pada tahun 1913, pentadbiran Pelabuhan Pulau Pinang telah diambil alih oleh Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang sehingga tahun 1954. Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang pada waktu tersebut masih lagi bergabung dengan Lembaga Pelabuhan Singapura dan berkongsi seorang Pengurusi. Dalam pada itu, Dermaga Perai telah dibuka pada tahun 1914 dan kuasa pentadbirannya diserahkan kepada Lembaga Keretapi Tanah Melayu.

Pada 2 Julai 1952, sebuah Jawatankuasa Pelabuhan Persekutuan telah dibentuk untuk mengkaji pembangunan-pembangunan jangka panjang pelabuhan-pelabuhan di Persekutuan Tanah Melayu. Pada masa itu Pelabuhan Pulau Pinang ditadbir oleh Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang di bahagian pulau dan Lembaga Keretapi Tanah Melayu di Perai. Jawatankuasa yang dibentuk tersebut memperakarkan bahawa pengagihan kuasa seperti ini tidak akan menghasilkan kecekapan maksima bagi Pelabuhan Pulau Pinang. Oleh yang demikian, penubuhan sebuah badan berkuasa baru iaitu Suruhanjaya Pelabuhan yang bebas amat diperlukan.

Pada 30 November 1955, bacaan pertama Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang memperuntukkan penubuhan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah dibentangkan. Penubuhan Suruhanjaya ini membolehkan pemindahan tanggungjawab-tanggungjawab dari Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang dan juga sebahagian dari pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di Perai kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) akhirnya secara rasmi ditubuhkan pada 1 Januari 1956 di bawah Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955. Vice Admiral J.W. Jefford telah dilantik sebagai Pengurusi dan Pengurus Besar SPPP yang pertama.

Mulai dari tarikh tersebut SPPP bertanggungjawab terhadap pentadbiran Pelabuhan Pulau Pinang seperti menyedia dan menyelenggara kemudahan-kemudahan serta perkhidmatan pelabuhan dan feri.

Mulai 1 Januari 1994 operasi perkhidmatan pelabuhan dan perkhidmatan feri telah diswastakan kepada pengendali berlesen iaitu Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) mengikut Akta Pelabuhan-pelabuhan Penswastaan 1990. Berkuat kuasa 1 Januari 1999 pula, SPPP telah dilantik sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan dan Badan Kawal Selia bagi Jeti Teluk Ewa di Langkawi.

SPPP terus kekal dan berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan, Badan Kawal Selia, Pihak Berkuasa Zon Bebas Komersil dan sebagai Fasilitator Perdagangan.

FUNGSI UTAMA

- Bertindak sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan dalam mengawal dan menyelaras aktiviti-aktiviti pelabuhan.
- Bertindak sebagai Badan Kawalselia dalam memantau pengendalian aktiviti dan pembangunan sekuriti dan keselamatan pelabuhan oleh operator pelabuhan.
- Bertindak sebagai Pihak Berkuasa Zon dalam mentadbir Zon Bebas Komersil.
- Bertindak sebagai Fasilitator Perdagangan dalam mempromosikan pelabuhan serta mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pengguna Pelabuhan Pulau Pinang

OBJEKTIF

- Menyediakan persekitaran pelabuhan pintar bertaraf dunia
- Memastikan penguatkuasaan serta pengawalseliaan pelabuhan dilaksanakan dengan cekap dan berintegriti
- Mewujudkan persekitaran pelabuhan yang kompetitif dan mampan melalui sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien dan berdaya saing
- Mempersiapkan modal insan seiring dengan teknologi terkini

PIAGAM PELANGGAN

- Akuan terima kepada pengadu akan dibuat dalam tempoh tiga (3) hari bekerja. Maklum balas kepada pengadu mengenai tindakan/siasatan aduan akan diberi dalam tempoh lima (5) hari bekerja
- Pengeluaran lesen dibuat dalam tempoh dua (2) hari bekerja selepas mendapatkan kelulusan
- Pengeluaran permit dibuat dalam tempoh satu (1) hari bekerja tertakluk semua dokumen yang lengkap diterima
- Kelulusan pergerakan barang Zon Bebas Komersil diberi dalam tempoh empat (4) jam tertakluk kepada proses permohonan yang lengkap
- Pembayaran akan dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima oleh Unit Kewangan
- Setiap permohonan pengendalian kargo berbahaya secara atas talian yang dilampirkan bersama dokumen-dokumen sokongan lain yang berkaitan akan diluluskan dalam masa dua (2) jam.

PUNCA KUASA

AKTA, UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

1. *Penang Port Commission 1955 [Akta 140]*
2. *Port (Privatisation) Act 1990 [Akta 422]*
3. *Akta Zon Bebas 1990*
4. *Undang-undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1989*
5. *Undang-undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pemaliman) 1991*
6. *Penang Port Commission Ordinance, 1955*
7. *Penang Port Comsision By Law 1957*
8. *Licences / Agreements: -*
 - *Corporatisation of Penang Port*
 - *Sale of Business Agreement*
 - *Licence Granted by Penang Port Commission to Penang Port Sdn. Bhd. under Section 9(3)(a) of the Ports (Privatisation) Act*
 - *Lease Agreement and Agreement to Sub-Lease*
 - *Management of Property Agreement*
9. *Penang Port Commission Financial Policies and Regulations*
10. *Penang Port Commission (Scales of Rates, Dues and Charges) By Laws 2015*
11. *International Ship and Port Facility Security (ISPS) Code – Akta 1316*
12. Peraturan-peraturan Zon Bebas 1991
13. Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1952
14. *International Maritime Dangerous Goods Code (IMDG Code)*
15. Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah
16. Akta Badan-badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj), Akta 605
17. Akta Perkhidmatan Bomba, 1988 (Akta 341)
18. Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127)
19. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 (Akta 514)
20. Akta Tandatangan Digital, 1997
21. Akta Jenayah Komputer, 1997
22. Akta Teleperubatan, 1997
23. Akta Polis 1967
24. Pekeliling dan Surat Pekeliling yang diterima pakai

PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDERS) DAN PELANGGAN

PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDERS)

- **MENTERI PENGANGKUTAN**
- **LEMBAGA AHLI-AHLI SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG**
- **KERAJAAN PUSAT DAN KERAJAAN NEGERI**
- **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)**
- **UNIT PERMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)**
- **KEMENTERIAN**
 - (a) Kementerian Pengangkutan Malaysia
 - (b) Kementerian Kewangan Malaysia
 - (c) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
 - (d) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
 - (e) Jabatan Audit Negara
 - (f) Kementerian Pelancongan
 - (g) Kementerian Sumber Manusia
 - (h) Kementerian Dalam Negeri
 - (i) Kementerian Kesihatan
 - (j) Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
 - (k) Kementerian Pertanian dan Asas Tani
 - (l) Kementerian Industri Utama
 - (m) Kementerian Luar Negeri
 - (n) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 - (o) Kementerian Kerja Raya
 - (p) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
 - (q) Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
 - (r) Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat
 - (s) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

PELANGGAN

- **ORANG AWAM**

- **SEKTOR SWASTA**

- **JABATAN / BADAN-BADAN BERKANUN**

- a) Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia
- b) Jabatan Imigresen Malaysia
- c) Jabatan Kesihatan Pelabuhan
- d) Jabatan Laut Semenanjung Malaysia
- e) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
- f) Polis DiRaja Malaysia
- g) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- h) Jabatan Alam Sekitar
- i) Pihak Berkuasa Tempatan
- j) Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang
- k) Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
- l) Jabatan Perancang Bandar dan Desa
- m) Jabatan Perparitan dan Saliran
- n) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
- o) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

- **DEWAN PERNIAGAAN DAN PERSATUAN (STAKEHOLDER)**

- a) Dewan Perniagaan & Perindustrian Antarabangsa Malaysia (Caw. P. Pinang & Utara)
- b) Dewan Perniagaan Tionghoa Pulau Pinang
- c) Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Pulau Pinang
- d) Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kaum India Malaysia, Pulau Pinang
- e) Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
- f) Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Perak
- g) Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Perak
- h) Dewan Perniagaan India Perak
- i) Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kedah Darul Aman
- j) Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia
- k) Persatuan Pengimport dan Pengeksport Pulau Pinang
- l) Persatuan Wakil-wakil Penghantaran Pulau Pinang
- m) Persatuan Haulier Malaysia

- **PENGENDALI PELABUHAN / PEMBEKAL PERKHIDMATAN**

- a) Penang Port Sdn. Bhd.
- b) Maritrans (M) Sdn. Bhd.
- c) Northern Cargo Corporation Sdn. Bhd.
- d) Tunas Sejati Corporation Sdn. Bhd.
- e) Amalgamated Stevedoring Corporation Sdn. Bhd.
- f) Malaysia Trade and Transport Co. Sdn. Bhd.
- g) Penang Port Stevedore Corporation Sdn. Bhd.
- h) Ganu Jaya Sdn. Bhd.

Visi

PELABUHAN PULAU PINANG – PEMANGKIN EKONOMI
PENANG PORT – THE ECONOMIC CATALYST

Misi

**MEMACU DAN MEMPERKASA PERSEKITARAN PELABUHAN YANG PINTAR, MAMPAN
DAN BERDAYA SAING**
*SPEARHEADING AND EMPOWERING A SMART, SUSTAINABLE AND COMPETITIVE PORT
ENVIRONMENT*

Moto

GERBANG UTARA KE PERSADA DUNIA
NORTHERN GATEWAY TO GLOBAL FOREFRONT

NILAI - NILAI TERAS



INTEGRITI & AKAUNTABILITI

Memiliki sikap telus, jujur, amanah dan mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi

DINAMIK

Bersedia menerima pembaharuan dengan amalan kerja yang inovatif serta mampu membuat penyesuaian ke atas pembaharuan dan kemajuan

KECEMERLANGAN

Tahap pencapaian yang unggul, terbaik dan tertinggi dalam semua perbandingan


PROFESIONAL

Berfikir, bekerja dan bertindak secara profesional

KERJA BERPASUKAN

Saling bantu-membantu semasa melaksanakan tugas serta patuh arahan

TERAS STRATEGIK

- 
- TADBIR URUS PERSEKITARAN PELABUHAN YANG KONDUSIF
 - TEKNOLOGI – PENDIGITALAN SISTEM PENYAMPAIAN
 - MEMACU DAN MEMPERKASA INFRASTRUKTUR DAN ASET
 - MODAL INSAN BERINTEGRITI DAN BERDAYA SAING

STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

TERAS 1 : TADBIR URUS PERSEKITARAN PELABUHAN YANG KONDUSIF

OBJEKTIF : MEWUJUDKAN PELABUHAN PULAU PINANG YANG SELAMAT DAN KONDUSIF DALAM MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI / KPI	TAHUN SASARAN	PENCAPAIAN
1. Memastikan fasiliti dan persekitaran pelabuhan adalah selamat dan kondusif	<ul style="list-style-type: none"> i) Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ii) Menyemak semula dan memantapkan Standard Prestasi Operasi & Fasiliti Pelabuhan agar relevan dengan keperluan semasa iii) Menjalankan audit pematuhan <i>standard</i> yang digunakan iv) Menjalankan pemeriksaan berkala v) Koordinasi penguatkuasaan berterusan bersama agensi berkaitan 	<ul style="list-style-type: none"> i) 100% pematuhan ii) <i>Performance Standard</i> Operasi dan Fasiliti Pelabuhan disemak setiap tahun iii) 100% mengikut jadual iv) 100% mengikut jadual v) Mengadakan mesyuarat bersama agensi berkaitan mengikut perancangan 	Berterusan sehingga 2025	

	vi) Menganjur / menyertai latihan, <i>drill</i> atau kursus kecemasan pelabuhan bersama agensi berkaitan	vi) 2 tahun sekali		
2. Meningkatkan libat urus dengan pemain industri pelabuhan	i) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Pelabuhan (PCC) ii) Mengadakan Majlis Perundingan Bersama OGA (<i>Other Government Agencies</i>)	i) Sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun ii) Setiap bulan	Berterusan sehingga 2025	
3. Memastikan polisi dan perundangan sentiasa relevan dengan keperluan semasa	i) Mengkaji semula polisi dan undang-undang sedia ada ii) Membuat pindaan bagi memenuhi keperluan semasa	i) Sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) tahun ii) Pindaan dibuat berdasarkan <i>Good Regulatory Practise</i>	Berterusan sehingga 2025	

TERAS 2 : TEKNOLOGI DAN PENDIGITALAN

OBJEKTIF : MENINGKATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN PROSES PENDIGITALAN DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DAN PERSEKITARAN PELABUHAN

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI / KPI	TAHUN SASARAN	PENCAPAIAN
1. Perkongsian pintar	i) Kolaborasi dengan pihak berkepentingan (<i>stakeholder</i>) ii) Perkongsian teknologi /aset yang terkini dalam aktiviti pengawalseliaan Pelabuhan	i) Sekurang-kurangnya satu (1) kolaborasi setahun ii) Penggunaan sekurang-kurangnya satu (1) teknologi dalam aktiviti pengawalseliaan pelabuhan	Berterusan sehingga 2025	
2. Perluasan penggunaan ICT dalam proses kerja organisasi	i) Pelaksanaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) ii) Pelaksanaan ISMS iii) Pendigitalan proses sedia ada	i) Pematuhan 100% ii) Pematuhan 100% iii) Bilangan proses yang didigitalkan – Sekurang-kurangnya satu (1) proses dalam setahun	Berterusan sehingga 2025	

3. Memperkasakan persekitaran pelabuhan pintar (<i>smart port</i>)	i) Perkongsian data ii) Permohonan dan kelulusan permit / lesen melalui penggunaan teknologi / sistem	i) Pewujudan pangkalan data ii) 50% sistem digital	Tahun 2025	
--	--	---	------------	--

TERAS 3 : MEMACU DAN MEMPERKASA INFRASTRUKTUR DAN ASET

OBJEKTIF : MEMASTIKAN PRASARANA PELABUHAN BERDAYA SAING DAN MAMPAN

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI / KPI	TAHUN SASARAN	PENCAPAIAN
1. Memudahcara pelaksanaan pembangunan	i) Mewujudkan garis panduan / senarai semak ii) Mengadakan Mesyuarat Penyelaras	i) Garis panduan siap pada Tahun 2021 ii) Mesyuarat Penyelaras akan dibuat dalam tempoh sebulan selepas permohonan diterima	Tahun 2021 Berterusan sehingga 2025	
2. Pengurusan infrastruktur sedia ada secara pintar dan cekap	i) Peningkatan penggunaan teknologi ii) Pengurusan penyenggaraan yang efektif	i) Persijilan Green Port ii) Bajet vs. Perbelanjaan	Tahun 2023 Berterusan sehingga 2025	
3. Pembangunan pelabuhan yang mampan	i) Membangunkan Pelan Induk Pelabuhan ii) Memastikan peruntukan projek tersedia sama ada melalui sumber dalaman atau secara kerjasama awam / swasta	i) Pelan Induk Pelabuhan siap pada Tahun 2023 ii) Projek disiapkan mengikut perancangan / perjanjian	Tahun 2023 Berterusan sehingga 2025	

4. Mengoptimumkan penggunaan aset dalam penjanaan hasil	i) Menyemak semula kadar sewaan pajakan ii) Memastikan tanah-tanah kosong dibangunkan atau disewakan	i) Setiap tiga (3) tahun ii) 100% tanah dibangunkan atau disewakan menjelang Tahun 2025	Berterusan sehingga 2025	
---	---	--	--------------------------	--

TERAS 4 : MODAL INSAN YANG BERINTEGRITI DAN BERDAYA SAING

**OBJEKTIF : MENINGKATKAN KEUPAYAAN MODAL INSAN YANG BERDAYA SAING,
BERINTEGRITI, BERINOVATIF DAN BERPENGETAHUAN**

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PETUNJUK PRESTASI / KPI	TAHUN SASARAN	PENCAPAIAN
1. Meningkatkan kompetensi sumber manusia	i) Pelaksanaan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) 2021 – 2025 ii) Menyediakan latihan khusus (<i>Subject Matter Expert</i>) kepada pegawai / kakitangan berkaitan	i) Pematuhan 100% ii) 1 kali latihan khusus / berkaitan setiap tahun	Berterusan sehingga 2025	
2. Memantapkan integriti di kalangan warga SPPP	i) Pelaksanaan ABMS ii) Pelaksanaan Pelan OACP	Pematuhan 100%	Berterusan sehingga 2025	
3. Membudayakan inovasi dan kreativiti	Melaksanakan aktiviti-aktiviti penambahbaikan (Contoh: KIK, Kaizen)	Bilangan projek penambahbaikan (3 projek setahun)	Tahunan	
4. Merekayasa organisasi (BPR – <i>Business Process Reengineering</i>)	Pelaksanaan Badan Berkanun Diasingkan Saran (BBDS)	Pelaksanaan 100%	Tahun 2024	

Penutup

Pelan Strategik SPPP 2021-2025 merupakan hasil daripada perancangan menyeluruh supaya SPPP sentiasa berada pada tahap kesiapsiagaan yang tinggi bagi menghadapi cabaran. SPPP memastikan Pelan Strategik ini sejajar dengan Dasar Pengangkutan Negara 2019 - 2030. Hala tuju yang terancang membolehkan SPPP memfokus dan melaksanakan strategi-strategi yang telah ditetapkan dengan lebih berkesan di samping memastikan usaha SPPP membangunkan Pelabuhan Pulau Pinang dan meningkatkan sistem penyampaian dapat menghasilkan impak positif yang besar serta prestasi yang tinggi.

Dengan persekitaran industri pelabuhan yang sentiasa dinamik, SPPP perlu sentiasa peka terhadap perubahan-perubahan yang berlaku dalam sektor ini. Pelan Strategik SPPP bagi tempoh 2021-2025 telah dibentuk dan dirancang bagi memastikan Pelabuhan Pulau Pinang mampu berdaya saing. Pemantauan serta penambahbaikan yang berterusan akan sentiasa dilakukan agar Pelabuhan Pulau Pinang terus responsif dan relevan.

Kejayaan Pelan Strategik SPPP bergantung pada usaha gigih dan komitmen yang tinggi daripada setiap lapisan warga SPPP. Ia merupakan satu tanggungjawab yang perlu digalas bagi memastikan SPPP mencapai visi dan misinya. Walaupun Pelan Strategik ini adalah tanggungjawab setiap lapisan warga SPPP namun kerjasama serta perkongsian pintar dengan pengendali pelabuhan, pengguna pelabuhan serta pihak-pihak lain yang berkepentingan juga adalah penting bagi memastikan Pelabuhan Pulau Pinang menjadi pusat kecemerlangan dalam sistem penyampaian pelabuhan.